



# 3

**Mengelak bayaran  
lewat dan caj  
penalti**

Jadilah seorang pembayar hutang yang baik! Lebih cekap anda mengurus hutang, maka lebih banyak penjimatan yang diperolehi dengan mengelakkan pelbagai caj.

Ambillah langkah pertama dengan membayar hutang anda mengikut jadual

# 4

**Mengurangkan  
kos pinjaman**

Anda boleh melangsaikan hutang dengan cepat jika mengurus hutang secara bijak dan sentiasa memantaunya. Lebih cepat anda melangsaikan hutang lebih banyak penjimatan kos faedah anda perolehi

# 5

**Meningkatkan  
kedudukan kredit**

Pengurusan hutang yang bijak akan membantu anda membina rekod kredit yang lebih baik bagi memudahkan anda memohon pinjaman di masa hadapan. Ini adalah kerana rekod pembayaran anda dijejak melalui Biro Kredit BNM (maklumat lanjut dijelaskan di penghujung bab ini)

Setiap kali anda meminjam, hutang dan rekod pembayaran anda akan dicatatkan. Oleh itu, sekiranya anda pernah terlewat atau gagal menjelaskan pinjaman, ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memperoleh pinjaman di masa hadapan

